

YUSMILAYATI YUNOS & NORIAH MOHAMED

yusmilayatiyunos@yahoo.com &

nong.mohamed@gmail.com

PPBKMM, FSSK Universiti Kebangsaan Malaysia

RAMUAN FLORA DAN FAUNA DALAM *MUJARABAT MELAYU*

Perubatan tradisional terus mekar bersama dunia perubatan moden sebagai satu kaedah rawatan penyakit kepada masyarakat. Cara rawatan tradisional menggunakan bahan daripada flora atau tumbuh-tumbuhan dan fauna iaitu haiwan dipercayai mengandungi khasiat yang tersembunyi untuk menyembuhkan penyakit. Jika dikaitkan dengan *Mujarabat Melayu*, ramuan flora dan fauna bermaksud bahan-bahan tumbuhan dan haiwan yang diperlukan untuk membuat sesuatu ubat bagi merawat pelbagai jenis penyakit yang disebabkan oleh faktor fizikal atau spiritual. Tumbuh-tumbuhan ini mudah didapati di sekeliling rumah dan sering menjadi perisa dan perencah makanan (seperti kunyit, daun limau purut, cekur, daun pandan, daun kari dan halia) ataupun sebagai ubat dan perhiasan halaman rumah. Selain itu, bawang merah misalnya digunakan bagi merawat luka, halia dan bawang putih digunakan untuk membuang angin dan cekur dipercayai mampu menguruskan badan. Namun, setiap bahan tersebut perlu dicampur dengan ramuan lain bertujuan menambahkan keberkesanan

penggunaannya. Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa cara bagi menyediakan ramuan ubat daripada tumbuh-tumbuhan seperti direbus, celur, perah, uli, sagat, goreng, tumbuk, jemur, layur, rendam, bakar, rendang, tanak, salai, keringkan, basahkan, peram, bakar, dan ramas adalah antara kaedah biasa penyediaan ramuan ubat bagi tumbuhan. Manakala, cara-cara penggunaannya pula seperti sapu, gosok, titis, demah, tuam, balut, tampal, tepek, urut, makan, minum dan mandi. Antara bahagian tumbuhan yang sering digunakan sebagai ubat atau ramuan ubat terdiri daripada daun, bunga, akar, batang, kulit biji, biji, kulit kayu, buah, air atau jus buah, akar tunjang, akar rerambut, selaput buah, duri, getah, sabut, isi, isi rong dan hampas buah. Setiap bahagian ini pula memiliki khasiatnya yang tersendiri sebagai ubat atau penawar penyakit. Selain flora, fauna juga turut dijadikan ramuan dan penawar kepada penyakit tertentu. Namun begitu penggunaannya terbatas kepada bahagian tertentu yang terdapat pada tubuh sesuatu haiwan. Misalnya bulu tarwili cina digunakan untuk menahan darah pada luka, tanduk rusa dan tanduk kambing untuk merawat demam dan sakit kepala, hempedu ayam, hempedu lembu, dan hempedu kambing jantan untuk kekuatan syahwat. Namun begitu bahan-bahan tersebut juga perlu disesuaikan dengan ramuan lain bagi memperlihatkan kemujarabannya. Antara bahagian fauna atau haiwan yang digunakan untuk tujuan rawatan seperti darah, hempedu, tanduk dan tulang yang digunakan dengan campuran bahan lain dipercayai mampu mengubati penyakit yang dialami manusia. Justeru itu, penulisan ini akan membincangkan khasiat flora dan fauna yang

dipaparkan dalam *Mujarabat Melayu* sebagai alternatif rawatan bagi sesuatu penyakit yang menimpa manusia.

Kata kunci: *Mujarabat Melayu*, flora, fauna, rawatan, mujarab

Pengenalan

Kepustakaan Melayu tradisional merupakan fenomena ilmu yang menjadi warisan masyarakat Melayu sejak dahulu lagi. Ianya berkait rapat dengan bidang sastera Melayu¹ yang terdiri daripada bentuk lisan dan tulisan yang telah wujud pada atau sebelum pertengahan abad yang ke-19 iaitu sebelum teknologi percetakan diperkenalkan oleh mubaligh Eropah di Nusantara. Penghasilan ilmu tersebut disusun dalam bentuk kreatif yang merangkumi bentuk cerita dan bukan cerita. Ia termasuklah ilmu tasawuf, sejarah, undang-undang, legenda, puisi dan sastera (Ismail Hussein, 1974).

Selain cerita atau kisah yang berbentuk roman atau sejarah, dalam kepustakaan Melayu tradisi juga terdapat kitab yang berkait rapat dengan ilmu perubatan Melayu. Kitab atau naskhah yang mengandungi ilmu perubatan Melayu ini masih belum mendapat perhatian di kalangan para sarjana pengajian Melayu. Hal ini terjadi

¹ Sastera Melayu (menurut pengertian Ismail Hussin) telah ada sejak kurun ke-7 Masihi setelah dijumpai dan dikaji batu bersurat daripada kerajaan Srivijaya, iaitu dari 683 Masihi hingga 1292 Masihi. Penemuan batu bersurat itu membuktikan bahasa Melayu telah tersebar ke mana sahaja pengaruh politik kerajaan Srivijaya itu dirasai. Ia juga menunjukkan bahawa orang Melayu telah mempunyai tulisan dan karya sasteranya sebelum datangnya Islam, yang dilaporkan sekitar abad ke-13 (Ding Choo Ming, 2003: 19).

disebabkan oleh perubahan tradisi yang dianggap ketinggalan zaman dan tidak lagi relevan pada masa kini kerana terdapat sistem perubatan moden yang berlandaskan sains dan teknologi serta didukung oleh prasarana yang lengkap, seperti hospital, klinik, doktor, jururawat, dan makmal. Antara naskhah popular yang berkaitan dengan ilmu perubatan seperti *Kitab Tib*, *Tajul Muluk* dan *Mujarabat*.

Sehubungan itu, cara rawatan tradisional umumnya menggunakan bahan daripada flora atau tumbuh-tumbuhan dan fauna iaitu haiwan yang dipercayai mengandungi khasiat yang tersembunyi untuk menyembuhkan penyakit. Jika dikaitkan dengan *Mujarabat Melayu*, ramuan flora dan fauna bermaksud bahan-bahan tumbuhan dan haiwan yang diperlukan untuk membuat sesuatu ubat bagi merawat pelbagai jenis penyakit yang disebabkan oleh faktor fizikal atau spiritual.

Teks *Mujarabat Melayu*

Teks *Mujarabat Melayu* merupakan sebuah teks perubatan tradisional yang digunapakai sebagai salah satu cara untuk merawat penyakit. Dalam penulisan ini, teks yang digunakan adalah sebuah teks karya terjemahan oleh alim ulama pada zaman dahulu. Hal ini dapat dilihat pada halaman depan teks tersebut (rujuk Lampiran 1):

Yang dinamakan dia (*Fawaidul Bahiyyati kitab Mujarabat al-Arabiah*) diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh setengah daripada alim ulama solihin dengan nas ... (*Mujarabat Melayu*, 1883: 1)

Teks ini setebal 96 halaman bercetak dan menggunakan bahasa Melayu sebagai medium utamanya dan bertulisan Jawi. Tajuk teks ini iaitu *Mujarabat* berkait rapat dengan istilah mujarab dalam bidang perubatan. Jika ditelusuri makna *Mujarabat*, ia berasal daripada kata Arab *jarraba* (جرب) yang bermaksud mencuba atau menguji (Rauf Dato' Haji Hassan, Abdul Halim Salleh dan Khairul Amin Mohd. Zain, 2005: 66). Selain itu, istilah mujarab juga bermaksud dapat menyembuhkan (penyakit dan seumpama dengannya) serta mustajab dan serasi (bagi ubat dan lain-lain) (*Kamus Dewan*, 2000: 903). Sementara *Kamus Umum Bahasa Indonesia* (W.J.S. Poerwadarminta, 1976: 657) pula menyatakan definisi mujarab sebagai *manjur* atau mustajab. Perkataan Melayu pula merujuk kepada penggunaan bahasa Melayu dalam teks tersebut. Berdasarkan makna yang telah dinyatakan di atas, dapatlah dikatakan kitab *Mujarabat Melayu* ini merupakan sebuah teks yang mengandungi doa-doa, permintaan dan ubat-ubat bagi merawat pelbagai jenis penyakit lelaki dan perempuan.

Jika diperhatikan, bahasa yang digunakan dalam teks ini adalah campuran bahasa Melayu dan Arab di samping terdapat beberapa penggunaan perkataan Jawa dalam isi kandungan teks. Campuran penggunaan bahasa Melayu dan Arab (rujuk Lampiran 1) dapat dilihat seperti berikut:

Yang dinamakan dia (*Fawaidul Bahiyyati kitab Mujarabat al-Arabiah*) diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh setengah daripada alim ulama solihin dengan nas. ...

Alhamdulillah Rabbil 'Alamin wa sollatu wassalamu

ala asyrafil mursalin saiyidina Muhammad wa alihi wasohbihi ajmain amma ba'. Inilah suatu risalah yang sangat elok bukan kepalang. Maka dinamakan dia (Fawaidul bahiyyati fi tibbil badaniah - فوائد البهية في الطب البدنية). ... (Mujarabat Melayu, 1883: 1)

Teks tersebut membicarakan ubat bagi orang lelaki dan perempuan. Di dalamnya mengandungi perihal ubat mengubat dengan menggunakan Asmaul Husna, hadis Nubuwwah dan ayat-ayat Al-Quran. Selain itu, terhimpun juga berbagai-bagai azimat.

Merujuk kepada teks tersebut, tarikh penulisan teks ini tidak dinyatakan. Namun begitu terdapat bukti yang menyatakan **tarikh ia tamat ditulis pada hari Jumaat, 17 Syawal 1300 hijrah** (rujuk Lampiran 2) iaitu bersamaan 20 Ogos 1883 masehi. Hal tersebut dapat dilihat seperti berikut:

... yaumul Jum'at fi syahri Syawal al mukarram sab'a 'asyara ba'dal thalatha maat wa alfa min hijrat nabina Muhammad... (Mujarabat Melayu, 1883: 96).

Terjemahan:

... hari Jumaat pada bulan Syawal ... 17 haribulan selepas 1300 daripada hijrah Nabi Muhammad ...

Flora Sebagai Agen Penawar dan Penyembuhan

Umumnya flora atau tumbuhan seringkali dijadikan ulam-ulaman dalam hidangan sebagai penyedap makanan. Misalnya ulam pegaga dan timun untuk awet muda, cekur untuk merawat sakit tekak, batuk dan demam sementara kunyit dan bawang bagi merawat luka

dalam badan. Hal sedemikian memperlihatkan flora atau tumbuhan penting kepada manusia kerana seringdigunapakai sebagai ubat dan penawar kepada penyakit. Sesetengah tumbuhan dipercayai mengandungi kekuatan ghaib. Contohnya daun sirih boleh digunapakai untuk menyembuhkan penyakit, daun kelor digunakan untuk mengeluarkan susuk emas daripada tubuh atau mencelakakan orang yang di dalam kesakitan. Carang dipakai untuk membunuh ular, bunga kenanga digunapakai untuk persyaratan dukun menyembuhkan penyakit atau untuk kepentingan yang ada hubungannya dengan kekuatan ghaib yang dikehendaki oleh seseorang (Mudjadi, M.J.et.al. 1997: 80).

Jika dikaitkan dengan *Mujarabat Melayu*, terdapat pelbagai nama dan khasiat flora yang digunakan sebagai ramuan bagi merawat pelbagai jenis penyakit. Flora dipilih daripada pokok tertentu yang dipercayai mempunyai khasiatnya yang tersendiri. Pemilihan flora bukan hanya daripada daun tetapi juga daripada buahnya. Setiap bahagian buah tersebut seperti biji, kulit dan akar digunakan untuk mengubati pelbagai penyakit. Pemilihan flora dalam perubatan Melayu dikatakan perlu memenuhi syarat tertentu kerana kandungannya dikatakan mempunyai khasiat yang tersembunyi untuk menyembuhkan penyakit.

Berdasarkan teks ini, terdapat beberapa jenis flora yang dinyatakan mempunyai khasiatnya yang tersendiri. Misalnya seperti berikut:

- Khasiat biji kapas
- Khasiat kacang luli
- Khasiat minyak bijan

- Khasiat cekur
- Khasiat lengkuas
- Khasiat kulit manis
- Khasiat rambut jagung
- Khasiat kulit jambu hutan dan kulit anggur
- Khasiat halia dan lada
- Khasiat bawang merah dan bawang putih
- Khasiat jambu hutan dan kulitnya

Sehubungan itu, bawang merah umpamanya digunakan sebagai ubat untuk merawat luka terkena api dan bawang putih digunakan untuk merawat penyakit angin. Dalam proses pengubatan tersebut bahan tadi perlu dicampurkan dengan bahan lain bagi memperoleh kemujarabannya. Hal tersebut dinyatakan seperti berikut:

(Faedah) ini suatu faedah bagi pedih sakit kena api engkau tumbukkan bawang merah yang mentah dan engkau perahkan airnya dan engkau tumbuk garam halus-halus dan engkau campur dengan itu air bawang dan engkau campur pula dengan telur putih elok-elok hingga jadilah ia seperti minyak lenga dan engkau jadikan dia di dalam perca-perca kain kulit kayu yang putih yang lama kemudian daripada engkau tambah kebekas sabun baru dan engkau hantarkan dengan itu perca di atas tempat terbagi itu maka bahawasanya jadilah sejuk sakitnya dan ringanlah dan jadi kuping dan hilang dengan segera dengan izin Allah taala ... (*Mujarabat Melayu*, 1883: 27).
 (Bermula ubat angin dan lainnya iaitu ambil beras sekira-kira habis orang seorang makan maka

masak seperti mana adat memasak nasi gulai jua maka adalah rempahnya itu bawang putih sahaja tetapi sama banyaknya dengan beras itu jua dan ayamnya seekor sekira habis seorang memakan dia maka makannya demikianlah beratnya maka perbuatlah seperti mana memasak nasi gulai setelah sudah maka makanlah hingga habis semuanya sama sekali inilah adat daripada jika nabawi (*Mujarabat Melayu*, 1883: 48).

Berdasarkan penelitian lapangan terdapat sejenis minyak yang dinamakan minyak bawang berfungsi mengubati luka dan kudis.² Selain bawang merah dan minyak, bahan lain yang dicampurkan dalam pembuatan minyak bawang ialah jerangau dan kunyit yang menerbitkan bau wangi. Suatu hal yang sangat menarik ialah, minyak bawang atau istilah minyak *lenga* sering digunakan oleh masyarakat Jawa, namun hal tersebut dinyatakan dalam *Mujarabat Melayu* yang menjadi amalan masyarakat Melayu.

Pengaruh Jawa juga dapat dilihat melalui penggunaan bawang putih untuk mengubati penyakit angin seperti yang dinyatakan dalam *Mujarabat Melayu*. Wanita-wanita Jawa misalnya menggunakan hirisan bawang putih lalu ditampalkan di bahagian tepi kepala bagi mengubati pening kepala. Mereka percaya angin yang menyebabkan sakit kepala hilang sekiranya hirisan bawang itu terlepas daripada kepala pesakit.³

Selain itu, teks ini juga turut menyatakan fungsi roman padi yang digunakan untuk merawat serira

² Temu bual dengan Puan Ngatiah Tamjis pada 10 April 2009.

³ Temu bual dengan Puan Siti Naemah Jamburi pada 15 Januari 2009.

perempuan jika dicampurkan dengan kulit jambu hutan bersama kulit, pucuk dan akar anggur. Duduk atau senduduk pula digunakan untuk merawat sakit kencing dan cekur yang dicampur madu digunakan untuk mengatasi masalah gemuk. Hal tersebut dinyatakan seperti berikut:

(Bermula khasiat roman padi) kulit jambu hutan dan kulit anggur dan pucuknya dan akarnya dan digiling lumat-lumat maka bubuh air madu maka minum tiga pagi insya Allah membaikkan serira perempuan Mujarabat (*Mujarabat Melayu*, 1883: 53).

(Khasiat duduk yang terpenting) maka bakar ambil arangnya digiling lumat-lumat kemudian ditaruh gula pasir sedikit maka diminumnya tiga pagi oleh orang yang sakit kencing afiat insyaAllah (*Mujarabat Melayu*, 1883: 54).

(Dan) barang siapa sangat gemuk maka dimakannya dengan air madu dan cekur nescaya kurus ia ah mujarab (*Mujarabat Melayu*, 1883: 51).

Petikan di atas memperlihatkan penggunaan ubat lebih ditumpukan kepada wanita. Misalnya madu dipercayai mengandungi pelbagai khasiat untuk mengubati penyakit. Selain menyihatkan tubuh badan, madu dipercayai dapat mengurangkan berat badan jika dicampurkan dengan cekur. Jika dikaitkan dengan wanita selepas bersalin, cekur dijadikan bahan utama dalam pembuatan param dan tapel. Param bercampur air mawar disapukan ke seluruh badan ibu selepas bersalin bagi menghasilkan rasa panas dan melancarkan pengaliran darah. Tapel pula disapukan pada bahagian

perut sebelum proses bengkung dilakukan. Penggunaan tapel bertujuan mengelakkan angin dalam badan dan mengempiskan perut.

Penggunaan flora bukan setakat digunakan sebagai ubat untuk merawat penyakit yang dialami oleh manusia, tetapi ia juga turut digunakan sebagai alat untuk merawat tenaga batin lelaki seperti berikut:

(Bermula khasiat biji kapas) jika seorang jimak perempuan itu tiada mu segerakan keluar maninya maka ambilkan olehmu akan dia maka tumbuk olehmu isinya yang di dalam maka campurkan dengan minyak jarak yang kecil maka disapukan kepada zakar kamu nescaya tiadalah turun maninya dan tiadalah payah nafsu perempuan itu kepadanya daripada Tib an-Nabawi Mujarab (*Mujarabat Melayu*, 1883: 48).

(Bermula khasiat kacang luli) yang hitam maka ambil olehmu giling lumat hingga seperti tepung maka gosok olehmu kepada zakar kamu nescaya tiadalah keluar maninya atasnya waktu subuh jua pun (*Mujarabat Melayu*, 1883: 49).

(Bermula khasiat cangkur/cekur apabila diminum) padanya tiap-tiap hari berat setengah dirham telah dimenambahi dengan susu kambing atau susu lembu maka kuatlah atas jimak dengan kuat yang sangat dan apabila dimamah ia maka disapukan kepada zakar nescaya menambahi lazat pada jamak dan menambahi kuat pada jamak bagaimana mau kita maka dipakai wallahu alam (*Mujarabat Melayu I*, 1882: 52).

(Bermula khasiat kulit manis) adalah ia menggerakkan syahwat kuat dan mengeraskan

baik apabila diistikmalkan pada pagi-pagi hari sebelum lagi makan sesuatu atau ketika sudah makan nasi adalah ia menghancurkan makanan dan menambahi baik pinggang serta mengeraskan syahwat dengan keras yang amat sangat wallahu alam (*Mujarabat Melayu*, 1882: 52).

(Bermula khasiat daun) kayu emas itu ditumbuk maka dicampurkan sertanya isi telur ayam telur yang kuning maka sapukan pada zakar kita maka iaitu keraslah ia pada ketika itu jua maka telah dicubakan seperti katanya dapat ia sah seperti tersebut wallahu alam (*Mujarabat Melayu*, 1882: 52).

Jika dilihat daripada petikan di atas, pengarang memberi tumpuan utama kepada kekuatan lelaki kerana sinonim dengan tujuan penulisan teks ini untuk mengubatkan lelaki dan perempuan. Penelitian yang dijalankan mendapati lelaki merupakan elemen penting dalam kehidupan berumahtangga selain wanita. Lelaki bertindak sebagai ketua rumahtangga dan secara tidak langsung berperanan penting dalam hubungan kelamin kerana merekalah yang mengeluarkan benih untuk generasi seterusnya. Justeru itu, untuk menjamin kelangsungan hidup yang sihat dan sempurna mereka diberi tumpuan utama dalam kehidupan berumahtangga. Untuk mendapatkan badan yang cergas, mereka digalakkan makan makanan yang berkhasiat agar mampu memberi nafkah zahir dan batin kepada isterinya. Makanan yang berkhasiat dapat dilihat melalui cara penyediaan bahan dan masakannya. Oleh itu *Mujarabat Melayu* juga menyatakan cara untuk

menyediakan bahan ubatan supaya memberikan kesan yang lebih mujarab kepada si pemakainya.

Cara Penyediaan Ubat-Ubatan

Masyarakat Melayu telah menggunakan beberapa cara bagi menyediakan ramuan ubat daripada tumbuh-tumbuhan. Rebus, celur, perah, uli, sagat, goreng, tumbuk, jemur, layur, rendam, bakar, rendang, tanak, salai, keringkan, basahkan, peram, bakar, dan ramas adalah antara kaedah biasa penyediaan ramuan ubat bagi tumbuhan. Manakala, cara-cara penggunaan tumbuhan ialah sapu, gosok, titis, demah, tuam, balut, tampal, tepek, urut, makan, minum dan mandi.

Sehubungan itu, cara penyediaan ubat-ubatan flora dalam *Mujarabat Melayu* menyebut bahan ubat perlu digiling, dibakar, dimasak, direbus, direndam, disapu dan ditumbuk mengikut kesesuaian jenis ubat yang diperlukan. Misalnya seperti berikut:

(Bermula khasiat roman padi) kulit jambu hutan dan kulit anggur dan pucuknya dan akarnya dan **digiling lumat-lumat** maka bubuh air madu maka minum tiga pagi insyaAllah membaiki serira perempuan *Mujarabat (Mujarabat Melayu, 1883: 53)*

(Khasiat duduk yang terpenting) maka **bakar** ambil arangnya digiling lumat-lumat kemudian ditaruh gula pasir sedikit maka diminumnya tiga pagi oleh orang yang sakit kencing afiat insyaAllah (*Mujarabat Melayu, 1883: 54*).

(Bermula ubat angin dan lainnya iaitu ambil beras sekira-kira habis orang seorang makan maka **masak seperti mana adat memasak** nasi gulai jua

maka adalah rempahnya itu bawang putih sahaja tetapi sama banyaknya dengan beras itu jua dan ayamnya seekor sekira habis seorang memakan dia maka makannya demikianlah beratnya maka perbuatlah seperti mana **memasakkan** nasi gulai setelah sudah maka makanlah hingga habis semuanya sama sekali inilah adat daripada jika nabawi (*Mujarabat Melayu*, 1883: 48).

(Bermula jika orang) hendak akan kahar zakar laki-laki maka ambil telur ayam hitam satu dibuangkan yang putih maka ambil air madu dan minyak sapi dan air tajin yakni nasi dan jintan hitam dan jalabat yakni halba kelabat pun namanya sekelian itu dibubuk yakni **direbus** maka disukat dengan kulit telur ayam itu juga beri sama-sama banyak dengan telur kuning itu demikianlah selama-lama membuat dia maka diminum tiga pagi hari-hari tujuh hari atau sembilan hari ah Mujarabat (*Mujarabat Melayu*, 1883: 48).

(Bermula khasiat biji kapas) jika seorang jimak perempuan itu tiada mu segerakan keluar maninya maka ambilkan olehmu akan dia maka **tumbuk** olehmu isinya yang di dalam maka campurkan dengan minyak jarak yang kecil maka disapukan kepada zakar kamu nescaya tiadalah turun maninya dan tiadalah payah nafsu perempuan itu kepadanya daripada Tib an-Nabawi Mujarab (*Mujarabat Melayu*, 1833: 48).

Petikan di atas menunjukkan cara penyediaan bahan ubatan yang dinyatakan dalam *Mujarabat Melayu* sama

seperti penyediaan ubat herba yang diamalkan oleh masyarakat Cina. Ubat herba tradisional Melayu yang direbus dan diminum biasanya dipanggil ubat akar kayu, ubat periuk atau rempah ratus. Ubat herba jenis ini dalam pasaran berbentuk keratan atau potongan panjang lebih kurang satu jari dan jumlah dos bahan biasanya segenggam tangan. Ong Hean Chooi (2004: 3-4) menyatakan semua bahan dalam ramuan herba telah dikeringkan sebelum dipasarkan. Jika ubat herba bercampur habuk atau tanah maka ia perlu dibasuh dengan air sebelum digunakan. Oleh sebab bahan ubat herba sudah kering dan kepingan herba adalah lebih kurang satu jari panjang dan setebal jari, adalah lebih mujarab kalau direndam terlebih dahulu sebelum air dipanaskan. Jika herba tidak direndam terlebih dahulu dikhuatiri air tidak masuk ke bahagian tengah akar kayu dan bahan mujarab tidak dapat larut di dalam air rebusan. Ada juga petua yang digunakan dengan cara bahan rebusan⁴ tidak dibuang selepas direbus buat pertama kalinya tetapi air ditambah sehingga tujuh kali rebusan.

Penelitian yang dijalankan mendapati, kebanyakan orang Melayu menanam flora atau tumbuh-tumbuhan yang berkhasiat di sekeliling rumah mereka. Tumbuhan ini sering menjadi perisa dan perencah makanan (serai, kunyit, daun limau purut, cekur, daun pandan, daun kari dan bonglai) ataupun sebagai ubat dan perhiasan

⁴ Bekas yang sesuai untuk merebus herba dibuat daripada tanah liat, gelas, seramik atau enamel. Bekas yang dibuat daripada logam seperti aluminium, kuprum atau besi waja kurang sesuai kerana mungkin ada tindak balas antara logam dengan sebatian kimia dalam herba dan pemindahan haba berlaku kurang rata.

halaman rumah (pokok ati-ati, bunga cina, bunga butang, pokok puding, bunga raya dan bunga tahi ayam). Walaupun begitu, tidak semua tumbuhan ubat mempunyai khasiat yang sama jika habitatnya berubah atau diubahkan. Keadaan-keadaan hidupnya bergantung kepada jenis tanah tanih, iklim, sinaran matahari dan sistem saliran. Misalnya, pokok tongkat Ali (*Eurycoma longifolia*) hidup di kawasan hutan yang rendang, dinaungi dan berhawa sejuk, jika ditanam di kawasan rumah akan kehilangan khasiat semulajadinya. Tongkat Ali (*Eurycoma longifolia*) yang berkhasiat cuma boleh diperolehi daripada hutan tempat tumbuhnya yang asal. Ada kemungkinan bahawa kelainan kandungan tanah boleh mempengaruhi proses pertumbuhannya.

Fauna Sebagai Ramuan Utama Penyembuhan

Selain tumbuhan flora, fauna juga turut dijadikan sumber dan penawar kepada penyakit tertentu. Bahagian fauna atau binatang seperti darah, hempedu, tanduk dan tulang digunakan dengan campuran bahan lain dipercayai mampu mengubati penyakit yang dialami manusia. Hal ini diakui oleh Encik Mat Syah⁵ yang menyatakan hempedu binatang sering digunakan untuk mengubati masalah tenaga batin orang lelaki. Begitu juga halnya dengan *Mujarabat Melayu* yang menyatakan khasiat beberapa jenis binatang seperti berikut:

- Darah kelawar
- Hempedu kambing jantan
- Khasiat telur ayam hitam
- Darah ayam jantan hitam

⁵ Temu bual dengan Encik Mat Syah pada 27 Disember 2008.

- Khasiat arnab
- Khasiat halitah
- Khasiat hempedu kibas
- Hempedu burung yang hitam
- Khasiat kucing
- Khasiat hempedu
- Khasiat tulang kambing
- Khasiat hempedu lembu
- Fasal khasiat pada buaya
- Fasal khasiat bekatak

Berdasarkan *Mujarabat Melayu*, penggunaan binatang banyak tertumpu kepada rawatan terhadap kekuatan tenaga lelaki, demam dan sakit kepala. Selain itu anggota binatang juga digunakan untuk merawat batu karang, mengurangkan uban dan menghilangkan lendir-lendir dalam perut. Justeru itu, teks ini juga membincangkan, khasiat bagi binatang tertentu yang digunakan dalam pembuatan azimat (azimat untuk membinasakan musuh).

Jika ditelitikan penggunaan fauna untuk merawat penyakit terbatas kepada bahagian tertentu yang terdapat pada tubuh sesuatu binatang. Teks ini menyatakan berbagai khasiat binatang yang digunakan untuk merawat beberapa penyakit tertentu. Antara binatang tersebut ialah tarwilu cina atau arnab, buaya, kambing dan rusa. Misalnya bulu arnab boleh digunakan untuk merawat luka dan hempedu arnab jika diminum bersama madu dan dadih tawar boleh menghamilkanwanita. Dalam teks ini, penggunaan fauna sebagai ramuan perubatan dinyatakan seperti berikut:

(Bermula khasiat tarwilu cina) yakni arnab

bermula bulunya menahankan darah jika dibakar ditaruh atas lukanya maka tiadalah keluar darahnya (dan) hemedunya jika diminum oleh perempuan dengan air madu dan kepada dadih yang tawar sah nescaya buntinglah ia (dan) darahnya (dan) isi perutnya dibubuhnya pada tubuh hampir hentikan segala penyakit yang sudah lama, disapukan pada sekalian tubuhnya dan badannya (dan manakala) dimasakkan tiada terbang jua suatu daripada mujarab nescaya menghancurkan batu-batu karang (dan jika) dimakan satu berat tiap-tiap hari hingga tujuh hari menahankan uban rambut kita mujarab hendaklah dimakan dengan air susu berat dua-dua rial (dan lagi abu) tulangnya menghancurkan lendir diminum atau dicampurkan dengan air maka sapukan (dan) air sah kencingnya apabila dititikkan di dalam mata menerangkan mata daripada melihat memandangan (dan) matanya apabila dipagi memberi hebat atas yang memakai dia (*Mujarabat Melayu*, 1883: 50).

Berdasarkan petikan tersebut didapati arnab mempunyai pelbagai khasiat perubatan sehingga hemedunya jika diminum bersama madu dapat menghamilkan wanita. Selain itu daging arnab juga dipercayai mampu mengubati batu karang. Jika dikaitkan dengan penelitian lapangan, penyakit batu karang juga boleh diubati dengan menggunakan batu karang yang tumbuh di dalam laut. Hal ini diakui oleh Encik Yunos Jati yang menyatakan beliau meminum air rendaman batu karang bagi menyembuhkan penyakit

batu karang yang dideritainya pada tahun 1986. Selepas meminum air rendaman batu karang sebanyak tiga kali disertai bacaan selawat nabi, penyakitnya semakin berkurang dan terus hilang sehingga kini.⁶

Selain arnab, anggota badan buaya juga dipercayai mempunyai pelbagai khasiat seperti mengubati penyakit mata, telinga tuli dan penyakit gila.

(Bab ini fasal pada menyatakan ubat-ubat yakni khasiat badan buaya) mula-mula disebut akan khasiat matanya jika sakit mata kita kanan maka ambil mata kanan buaya maka dibubuhkan ubat mata jika sakit mata kiri maka dibubuh pada mata kiri dan sebagai lagi kaifiat buaya jua akan ubat tuli telinga dan sebagai lagi (tahinya) buaya juga akan ubat mata putih sekalipun mata itu inilah ubatnya insya Allah taala mujarab ... (Dan sebagai lagi) khasiat hati buaya akan ubat orang sakit gila maka ditunun⁷ pada api hati itu maka diasapkan pada orang yang sakit itu tiga hari berturut-turut insya Allah mujarab (*Mujarabat Melayu*, 60-61).

Jika dikaitkan dengan penelitian lapangan, didapati anggota buaya seperti hempedu mempunyai peranan yang penting untuk menguatkan anggota sulit lelaki. Hempedu tersebut dimakan secara mentah berserta jampi mantera tertentu bagi memujarabkan penggunaannya. Oleh kerana khasiatnya yang tinggi, terdapat segelintir masyarakat sanggup membelinya

⁶ Temu bual dengan Encik Yunos bin Jati pada 3 Januari 2009.

⁷ Dalam sastera lama ada istilah yang disebut tunu yang bermakna dimakan api, terbakar. (*Kamus Dewan*, 200: 1496).

dengan harga yang mahal. Hal ini diakui oleh Encik Mat Syah yang menyatakan harga sebutir hempedu buaya mencecah ratusan ringgit. Harganya begitu mahal akibat kesukaran mendapatkannya kerana buaya adalah binatang buas dan hanya orang yang ahli sahaja boleh mendapatkan hempedu tersebut.⁸

Dalam teks tersebut juga turut menyebut khasiat tanduk rusa dan tanduk kambing yang dikatakan mampu mengubati demam dan sakit kepala. Hal tersebut dinyatakan seperti berikut:

(Ini fasal pada menyatakan khasiat) daripada kambing iaitu tanduknya jika sakit demam maka diambil janggutnya tiga helai maka ikatkan pada sapad (سافد) bahawa kita atau sakit kepala atau sakit muntah-muntah dan sebagai lagi ubat demam jua maka ambil hujung limpa kambing dikerat oleh orang yang sakit salah demam itu tetapi syaratnya digantung dalam rumah biarlah kering insyaAllah taala mujarab ... (*Mujarabat Melayu*, 1883: 61).

(Dan demikian lagi) faedah tanduk rusa akan ubat demam jua dan sakit kepala maka ditunun tanduk itu maka ambil abunya dicampur di dalam sayur ada campur dengan air maka diminumlah oleh orang yang sakit dan yang sakit kepala serap dalam hidungan, khasiat tanduk rusa maka ditunun kedua-duanya maka ambil abunya maka dicampur dengan cuka maka dibubuh akan orang yang sakit sopak atau susut atau kedi tetapi syaratnya berduduklah dalam

⁸ Temu bual dengan Encik Mat Syah pada 27 Disember 2008.

hari insyaAllah taala mujarab (*Mujarabat Melayu* I, 1883: 61).

Berdasarkan petikan di atas didapati tanduk rusa dan kambing digunakan untuk mengubati demam dan sakit kepala. Hal ini sama seperti jenama air badak yang sering digunakan bagi mengatasi masalah panas badan ataupun demam. Penggunaan air badak di kalangan masyarakat terbukti mujarab dan mampu menyejukkan badan orang yang demam.

Selain itu, terdapat pelbagai jenis anggota binatang lain yang digunakan untuk merawat tenaga batin lelaki seperti yang telah dinyatakan di atas tadi. Bagi mengatasi masalah tersebut anggota dalaman binatang seperti hati dan hempedu sering digunakan. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

(Dan bermula) jika barang siapa menggosokkan lubang zakarnya dan kelilingnya dengan hempedu kambing jantan nescaya melihatlah ia ajaib daripada tiada segera anzal maninya (*Mujarabat Melayu*, 1883: 46).

(Bermula khasiat hempedu kibas) disapukan pada waktu hendak jimak setelah goyang maka jimaklah maka perempuan itu terlalu kasih kepada kita dengan kasih yang amat sangat antahi sah Mujarabat (*Mujarabat Melayu*, 1883: 52).

(Sebagai lagi) barangsiapa menyapukan kepada zakarnya dengan hempedu sesuatu barang suatu yang (hitam) maka dibawa jimak dengan perempuan maka tiadalah terkira-kira ia berkehendak kepada orang yang lain daripadanya demikianlah perbuatan maka dapat olehlah suka

cinta dan kasih berkasihan wallhu alam
(*Mujarabat Melayu*, 1883: 52).

(Sebagai lagi pula) yang telah mujarab daripada khasiat yang mengatakan hempedu dan membesarkan zakar kita dan lain daripada itu tiada disebatkan oleh mafidnya kata Ayub al-Hakim bahawasanya datang seorang laki-laki dan rankaribnya (dan karibnya) umurnya 120 tahun adalah haknya itu songir adakah engkau hendak membela budak perempuan elok rupa parasnya dan adalah aku tiada baik pertemuanku dengan dia telah malu aku kepadanya maka kataku baginya ambil olehmu jahe yang kering yakni halia yang kering dan lada maka daripada tiap-tiap satu jenis itu delapan mithkal beratnya adalah yang delapan mithkal itu menjadi kurang enak saka lima suku dan kuningan telur ayam dua puluh biji maka dicampurkan pada air madu yang baik berat duit 120 dirham adalah yang 120 dirham menjadi dua puluh dua rial setali empat saka kemudian daripada itu maka dimakanlah pagi-pagi dan petang sebelum lagi makan nasi atau sudah makan nasi demikian itulah adanya maka apabila ia sudah habis memakan ubat itu maka dtanglah ia kepadaku lanyu (lakunya) seperti kelakuan orang yang gila daripada kesangatan syahwatnya berjalannya serta mengangkatkan kainnya daripada kebanyakan jamaknya maka kulihat ia 120 jimaknya kepada malam dan siang maka kuperbuatkan ubatnya memulangkan dia wallahu alam (*Mujarabat Melayu*, 1883: 54-55).

(Bermula hasiat hempedu) ayam yang hitam dan sedikit cabe yang sudah ditumbuk halus-halus maka digosokkan kepada zakar kita maka baru jimak maka satu jadilah lazat yang amat sangat perempuan itu ah Mujarabat (*Mujarabat Melayu*, 1883: 55).

(Bermula khasiat tulang kambing) dibakar ambil abunya dibubuh pada susu lembu maka digosokkan pada zakar kita sentiasa maka besarlah zakar kita antahi Mujarabat wallahu alam (*Mujarabat Melayu*, 1883: 55).

(Bermula khasiat hempedu lembu) maka ambil olehmu barang tiga dirham beratnya maka bubuh di dalam air madu beratnya lima dirham jua setelah sudah dicampur bersamaan maka digosokkan kepada zakar kita maka jadilah zakar kita kuat yang sangat ia mujarab sah (*Mujarabat Melayu*, 1883: 55).

(Bermula khasiat makan ikan) yang basah serta bawang merah yang banyak maka menambahi pada mani dan menguatkan zakar (*Mujarabat Melayu*, 1883: 55).

Petikan di atas menunjukkan teks ini memberi tumpuan yang lebih kepada kekuatan lelaki. Hal demikian amat diperlukan untuk kelangsungan sesebuah keluarga dan sehingga kini kekuatan tenaga batin lelaki selalu diheboh-hebohkan sehingga ada yang sanggup mengambil pelbagai ubat untuk menguatkan tenaga batin seperti pil kuda, steroid dan yang paling terkenal ialah Viagra. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan di Farmasi Mesra di Bandar Baru Bangi,

Selangor, Malaysia didapati sebutir pil Viagra berharga RM50 dan dikatakan antara yang terkuat di pasaran. Penggunaannya secara tidak teratur dan tanpa mendapatkan nasihat doktor boleh menyebabkan kematian secara mengejut.

Selain itu juga, terdapat juga pelbagai jenis minuman yang mampu menguatkan dan merangsang tenaga lelaki di pasaran seperti Kopi Jantan, Kopi Tongkat Ali Ginseng, Kopi Tok Guru, Kopi Janda dan Kopi Kacip Fatimah yang khusus menguatkan tenaga perempuan. Pelanggan terpengaruh dengan jenama kopi yang diiklankan dan sanggup membelinya kerana mempercayai khasiat kopi tersebut. Campuran tongkat ali, ginseng dan jarum emas di dalam kopi dipercayai mampu menguatkan tenaga batin lelaki dan perempuan seterusnya menjadi daya tarikan kepada pembeli untuk mendapatkan kopi tersebut. Hanya mereka yang meminumnya sahaja tahu khasiat kopi yang sebenar. Sejauh ini tidak ada statistik yang menunjukkan kemujaraban minuman ini atau sebaliknya.

Kesimpulan

Perubatan Melayu terus mekar bersama dunia perubatan moden sebagai satu kaedah perawatan penyakit pelengkap kepada masyarakat. Hal ini kerana tidak semua penyakit boleh diubati dengan dunia perubatan moden terutamanya penyakit yang berpunca dari makhluk halus atau jin. Di dalam perawatan Melayu, bomoh memainkan peranan penting dengan menggunakan jampi dan mentera di samping menggunakan ubat yang bersumberkan flora dan fauna. Keadaan ini menjelaskan kepada kita bahawa perubatan

Melayu mempunyai perkaitan rapat dengan alam sekeliling manusia.

Penggunaan bahan rawatan asli yang terdiri daripada flora dan fauna secara teratur atas nasihat pihak tertentu dapat membantu masyarakat merawat pelbagai jenis penyakit yang disebabkan oleh faktor fizikal atau spiritual. Penggunaan flora yang terdapat di sekeliling rumah misalnya bukan sahaja menjimatkan tenaga dan masa, malahan terjamin kebersihannya kerana berada di depan mata dan tidak dicemari dengan racun serangga dan sisa toksik. Walaubagimanapun penggunaan bahan-bahan tersebut tidak boleh secara sewenang-wenangnya kerana dikhuatiri akan memudaratkan. Nasihat daripada orang yang sesuai perlu diberi perhatian supaya pelbagai kejadian yang tidak diinginkan dapat dielakkan.


Rujukan

- A.Samad Ahmad. 2005. *Warisan perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd. Rauf Dato' Hassan, Abdul Halim Salleh dan Khairul Amin Mohd. Zain. 2005. *Kamus Bahasa Melayu-Bahasa Arab, Bahasa Arab-Bahasa Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Ali Zulfakar. 1900. *Perdukunan Melayu*. Penang: Malaya Bharu.
- Ding Choo Ming. 2003. *Kajian Manuskrip Melayu: Masalah, Kritikan dan Cadangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn. Bhd.
- Haliza Mohd. Riji. 2000. *Prinsip dan amalan dalam Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Ismail Hussein. 1988. *Antara Dunia Melayu dengan Dunia Indonesia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. 2000. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. 2005. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mat Syah. 2008. Perubatan Tradisional. Temu bual, 27 Disember.
- Mudjadi, M.J. et.al. 1997. *Adat Istiadat Daerah Jawa Timur*. Jakarta: Departement Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia.
- Mujarabat Melayu*. 1883. Terj. Pulau Pinang: Percetakan Al-Muarif.
- Ngatiah Tamjis. Perubatan Tradisional. Temu bual, 10 April.
- Ong Hean Chooi. 2004. *Buah Khasiat Makanan dan Ubatan*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ong Hean Chooi. 2004. *Sayuran Khasiat Makanan dan Ubatan*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Siti Naemah Jamburi. 2009. Dukun dan Urut. Temu bual, 15 Januari.
- W.J. S. Poewadarminta. 1976. *Kamus Umum Bahasa Indonesia*. Jakarta: PN Balai Pustaka.
- Yunos Jati. 2009. Perubatan tradisional Melayu. Temu bual, 3 Januari.

LAMPIRAN 1

Halaman Depan Mujarabat Melayu



LAMPIRAN 2

Halaman Belakang *Mujarabat Melayu*

محراب نشاء الله تعالى (باب يفتكناك فولد سمبلين) فدميتاكن اوبه يفتتيا دما
 وسمبه دشن اوبه يفتلاين داب سكل عز يمتدان دعا ملك تعكل اين كارن تعكل
 اين فتهول سكل اوبه دسورة فدر طس تيك فالك بتورة عافيتة اولهن انشاء الله
 تعك اينله يقد سورة ذلك تخفيف من ربك ورحمة (ابن يفتكناك) سورة الرحمن
 ذلك تخفيف من ربك خلق الانسان ضعيفا (ابن يفتكناك) سورة الرحيم الان خفف
 الله عنكم برحمته يا ارحم الراحمين بسطان (باب فيل كنع) بخيان اورغ در فدا شي تو
 ترمان اي كن راجن مك سورة ايت اين فدا فاق تاغن كان ملك جيلت غز ليسان
 توجه هاري توجه كال هيلتكن الله در فداك سكل هيما يجان ايت سعه هيد تر تولى
 در فداك سكل بوغ هيما ت ايت سكايت سكال سورة دشن اير سمه بيغ سرت دشن
 فكاين يغ سوح اين يقد سورة ليتم الله الرحمن الرحيم ومن يخرج من بيته مما جرت الى الله
 ودسوله ثم يدرك الموت فقد وقع اجره على الله وكان الله غفورا رحيما (باب اين فدا
 ميتاكن) اوبه سكل فياكة يغ سراسل مفت فوله دل دنيا اين دسورة فدمتكو فوته
 دباسه دشن اير بري ميه توجه كال بتورة اتو تيبكا كال فاكى اين راجمن بسم الله الشافى
 بسم الله الكافي بسم الله المعافى بسم الله الذي لا يضر مع اسمه شىء في الارض ولا في
 السماء وهو السميع العليم تمت بحمد الله تعالى هذا الكتاب المبارك في يوم
 الجمعة في شهر شوال لمكرم سبع عشر بعد لثلاثة مائة والفس من هجرة نبينا
 محمدا فضل الصلاة والسلام و صلى الله على سيدنا محمد وعلى اله وصحبه وسلم

اعلان

ARSANTI WULANDARI, S.S., M.HUM
 (JURUSAN SASTRA NUSANTARA PRODI JAWA -
 FAKULTAS ILMU BUDAYA UGM)